

Zul Izhar Mohd Ismail¹, Muhamad Nor Firdaus Ab Rahman¹, Norhana Md Arshad¹
¹Jabatan Anatomi, Pusat Pengajian Sains Perubatan, Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia 16150 Kubang Kerian, Kelantan

Pengenalan


Pelbagai masalah berkaitan pengajaran dan pembelajaran (PdP) subjek Anatomi manusia telah disenarai pendekkan sebagai tajuk permasalahan di Jabatan Anatomi, Pusat Pengajian Sains Perubatan, Universiti Sains Malaysia (USM). Dapatan daripada analisis 'SMART' menunjukkan bahawa masalah utama berkaitan "Model pengajaran Anatomi tidak mencukupi untuk kegunaan kelas amali" adalah relevan dan telah dipilih sebagai pernyataan masalah projek. Objektif penambahbaikan adalah untuk melihat impak pembangunan Muzium Anatomi Maya dalam memastikan setiap pelajar dapat menjalani pembelajaran sendiri secara maya.

Metodologi

Sejumlah 40 jenis model PdP anatomi telah dipilih oleh pensyarah Anatomi. Gambar model serta muzium fizikal dari pelbagai sudut telah dimuatnaik ke laman sesawang Muzium Jabatan Anatomi beserta ciri interaktif (<https://anatomymuseum.kk.usm.my/index.php/virtual-museum>). Proses pengumpulan data telah dijalankan melalui jemputan bersasar untuk melayari dan seterusnya memberikan maklumbalas terhadap laman sesawang Muzium Anatomi Maya. Kumpulan sasaran yang terlibat adalah pensyarah dalaman USM serta universiti awam dan swasta di dalam dan di luar negara, alumni Program Sarjana Sains (Anatomi Klinikal), serta guru dan murid dari beberapa sekolah menengah di Malaysia.




Keputusan

Analisis telah dijalankan ke atas data maklumbalas daripada 82 responden. Majoriti pengguna (94%) berpendapat mereka sangat seronok dalam melayari portal ini. Majoriti responden (79.2%) berpendapat bahawa portal ini adalah mesra pengguna. Sejumlah 97.6% responden berpendapat bahawa kandungan portal ini amat relevan dengan mereka. Keseluruhan responden (100%) bersetuju bahawa maklumat yang terkandung di dalam portal ini amat bernilai, khusus untuk proses PdP subjek Anatomi.



Flexor digitorum superficialis tendon

Flexor digitorum superficialis muscle lies in the intermediate layer of anterior compartment of forearm



Pautan laman sesawang:
<https://anatomymuseum.kk.usm.my/index.php/virtual-museum>

Kesimpulan

Projek ini telah menghasilkan beberapa impak yang positif seperti meningkatkan usaha pembelajaran sendiri atas talian yang lebih fleksibel, perkongsian ilmu tanpa batasan kepada seluruh warga akademik serta komuniti di peringkat nasional dan global. Projek ini merupakan satu usaha yang berterusan dan dijangka dapat dijadikan nilai tambah untuk Muzium Anatomi USM.

Pengiktirafan

- Pemenang Tempat Pertama, "Muzium Anatomi Maya", Pertandingan Kualiti Pusat Pengajian Sains Perubatan, USM, Kampus Kesihatan, Kubang Kerian, Kelantan, 12-13 Jun 2022.
- Pemenang Anugerah Perak, Digital Innovation Competition, 2nd International Conference on Teacher Education 2022, "Transforming The Traditional Into The Virtual Anatomy Museum", Kerajaan Negeri Kelantan, Kota Bharu, Kelantan, 11 Oktober 2022.
- Pemenang Anugerah Emas, New Academia Learning Innovation 2022 Exhibition & Competition, "Empowerment of Digital Learning through the Virtual Anatomy Museum", Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, 4-6 Oktober 2022.
- Gold Medal, Innovations in Teaching & Learning Competition (INTELEC2023), MUZIUM ANATOMI MAYA (Innovation of Teaching & Learning Materials Category), Centre for Development of Academic Excellence, Universiti Sains Malaysia, 17 May 2023.
- Best Award, Innovations in Teaching & Learning Competition (INTELEC2023), MUZIUM ANATOMI MAYA (Innovation of Teaching & Learning Materials Category), Centre for Development of Academic Excellence, Universiti Sains Malaysia, 17 May 2023.